

CNS4210

U GB 20-12 00169 BA288

bah

Mahathir - Persetujuan

KERAJAAN AKAN DAPATKAN PERSETUJUAN RAJA-RAJA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 20 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan mendapatkan persetujuan Raja-raja sebelum meminda Perlembagaan bagi menghapuskan kekebalan Raja-raja dari segi undang-undang.

Perdana Menteri berkata satu mesyuarat khas Raja-raja akan diadakan pada 16 Jan depan sebelum persidangan khas Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada 18 hingga 20 Jan.

+Kita akan mendapatkan persetujuan daripada Raja-raja,+ katanya kepada pemberita selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang Kejohanan Menunggang Kuda Perdana di Bukit Kiara Equestrian and Country Resort, di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai pendirian DAP bahawa parti itu akan hanya menyokong pindaan Perlembagaan berkaitan kekebalan Raja-raja sekiranya kerajaan mendapat persetujuan Raja-raja terlebih dahulu sebelum mengemukakankannya di Parlimen.

Katanya, pada umumnya rakyat menyokong usaha kerajaan dalam perkara ini dan jika ada mana-mana parti enggan memberikan sokongan mereka kerana fahaman politik, rakyat tentu akan bertanya apakah pendirian mereka sebenarnya. -- Lagi.

▼20/12/17-45MST

CNS4215

U GB 20-12 00147 BA291

bah

Mahathir - Persetujuan 2 Kuala Lumpur

Mengenai pendirian Semangat 46 yang enggan menyokong pindaan tersebut, Dr Mahathir berkata parti itu sebenarnya terkeliru di antara pelucutan kekebalan dan kedudukan Raja-raja.

Katanya, kedua-dua perkara itu tidak ada kaitan antara satu sama lain dan di kebanyakan negara, kedudukan raja terus kekal walaupun tidak mempunyai kekebalan.

+Kita sudah menyatakan bahawa kita masih mahukan institusi Raja-raja tetapi tentulah di zaman moden ini orang ramai, rakyat, bahkan di manapun tidak boleh menerima kekebalan yang memberi hak kepada mana-mana pihak untuk melakukan benda yang tidak baik kepada orang lain.

Perdana Menteri berkata adalah tidak benar ketuanan dan kedaulatan Raja-raja akan terhapus tanpa kekebalan tersebut seperti yang didakwa oleh Semangat 46.

+Itu anggapan mereka. Apakah kalau hanya Raja boleh memukul orang, boleh bunuh orang baru dia jadi Raja? Itu tidak benar,+ katanya. -- Lagi.

▼20/12/17-53MST

CNS4219

U GB 20-12 00149 BA292

bah

Mahathir - Persetujuan 3 Kuala Lumpur.

Beliau juga berkata Semangat 46 boleh mengadakan perjumpaan dengan anggota parti dan juga orang ramai di seluruh negara mengenai isu pindaan itu asalkan apa yang mereka lakukan itu tidak melanggar undang-undang seperti menghasut ataupun menyebabkan rusuhan.

Mengenai dakwaan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik tentang adanya campur tangan pihak Istana dalam pembahagian kawasan balak, Dr Mahathir berkata beliau masih mengkaji maklumat berkaitan perkara itu.

Beliau enggan membuat ulasan lanjut dengan alasan masih belum mendapat butiran terperinci mengenainya.

Ketika ditanya mengenai dakwaan Ketua Menteri Sabah, Datuk Pairin Kitingan bahawa pengharaman eksport balak dari Sabah merupakan tindakan politik, Perdana Menteri berkata kenyataan itu tidak berasas.

Katanya, langkah itu perlu diambil kerana pembalakan di Sabah kini terlalu pesat dan jika balak terus dieksport, tindakan itu akan merugikan Sabah sendiri. -- Lagi.

▼20/12/17-54MST

CNS4220

U GB 20-12 00094 BA293

bah

Mahathir - Persetujuan 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Bagaimanapun, katanya, kerajaan tidak menghalang jika kayu balak di Sabah digunakan untuk tujuan hiliran.

Dr Mahathir berkata larangan eksport itu tidak membabitkan hasil balak di Sarawak kerana negeri itu mempunyai banyak lagi hasil kayu kayan di samping mempunyai rancangan sendiri untuk mengurangkan pembalakan.

Perdana Menteri juga berkata Barisan Nasional (BN) perlu mengkaji terlebih dahulu apa yang dimaksudkan oleh Pairin dengan "forum" bagi membincangkan Perjanjian 20 Perkara memandangkan ia berbeza dengan cadangan asal untuk mengadakan debat. -- Bernama.

▼20/12/17-56MST